Olopan 0.1%W/V EYE DROPS

Olopatadine 1mg/ml

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan *Olopan Eye Drops*
2. Bagaimana *Olopan Eye Drops* berfungsi.
3. Sebelum penggunaan *Olopan Eye Drops*
4. Cara penggunaan *Olopan Eye Drops*
5. Semasa penggunaan *Olopan Eye Drops*
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan *Olopan Eye Drops*
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan pemegang pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan *Olopan Eye Drops*

Olopan digunakan untuk rawatan tanda-tanda dan gejala keradangan alahan.

Bagaimana *Olopan Eye Drops* berfungsi

Olopan adalah ubat untuk rawatan keadaan alahan mata. Ia berfungsi dengan mengurangkan keamatan tindak balas alahan.

Sebelum penggunaan *Olopan Eye Drops*

- *Bila tidak boleh mengambil*

Jangan gunakan *Olopan Eye Drops*, jika anda alahan kepada *olopatadine* atau mana-mana bahan-bahan lain dalam ubat ini.

Jangan gunakannya jika anda berumur bawah 3 tahun.

Mengandung atau menyusukan anak

Jangan mengambil *Olopan Eye Drops* jika anda hamil, cuba untuk hamil atau fikir anda mungkin hamil.

Jangan mengambil *Olopan Eye Drops* jika anda sedang menyusukan bayi. Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk nasihat sebelum mengambil sebarang ubat.

- *Sebelum anda mula menggunakannya*

Keluarkan kanta sentuh anda sebelum menggunakan *Olopan Eye Drops* dan tunggu sekurang-kurangnya 15 minit sebelum meletakkan kanta anda kembali.

- *Mengambil ubat-ubatan lain*

Beritahu doktor anda jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk apa-apa yang anda beli tanpa preskripsi dari farmasi, pasar raya atau kedai makanan kesihatan.

Cara penggunaan *Olopan Eye Drops*

Berapa banyak harus digunakan

Ikut semua arahan yang diberikan oleh doktor dan ahli farmasi anda dengan teliti. Arahan mungkin berbeza daripada maklumat yang terkandung di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label, bertanya kepada doktor atau ahli farmasi anda untuk bantuan.

Satu titisan *Olopan* untuk digunakan pada mata yang terlibat dua kali sehari.

- *Langkah-langkah bagi penggunaan Olopan Eye Drop yang tepat adalah seperti berikut:*

1. Cuci tangan sebelum guna.
2. Pusing penutup botol.
3. Guna jari tangan untuk tarik kelopak bawah mata yang terlibat ke arah bawah secara perlahan.
4. Letak hujung botol dekat dengan mata tetapi jangan sentuh dengan mata.
5. Tekan botol dengan perlahan supaya satu titisan dilepaskan ke dalam mata anda, selepas itu lepaskan kelopak bawah mata.
6. Tekan bahagian mata yang terlibat atas hidung selama 1 minit dengan mata tertutup.
7. Ulangkan di mata sebelah jika diarahkan oleh doktor.
8. Menutup balik botol dengan penutup.

- *Bila untuk menggunakannya*

Guna seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi.

- *Berapa lama untuk menggunakannya*

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- *Jika anda lupa untuk menggunakannya*

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- *Jika anda menggunakan terlalu banyak (terlebih dos)*

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat anda, jika anda fikir anda atau sesiapa sahaja mungkin telah mengambil terlalu banyak ubat ini. Teruskan ke hospital walaupun tidak ada tanda-tanda ketidakselesaan atau keracunan. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan segera.

Tiada maklumat yang boleh didapati tentang keterlebihan dos oleh pengambilan yang tidak sengaja atau sengaja.

Semasa penggunaan *Olopan Eye Drops*

Perkara yang perlu anda lakukan

Ambil ubat anda seperti yang doktor anda telah memberitahu anda

Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda mengambil *Olopan Eye Drops*.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa mengambil ubat ini.

- *Perkara yang tidak boleh dilakukan*

Jangan berhenti mengambil ubat kecuali dinasihatkan oleh doktor anda.

Jangan mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor anda.

Jangan berikan *Olopan Eye Drops* kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai gejala yang sama atau keadaan seperti anda

- *Perkara yang perlu diperhatikan*

Memandu dan mengendalikan mesin

Olopan Eye Drops tidak mempunyai pengaruhan terhadap keupayaan memandu dan menggunakan mesin. Seperti mana-mana titisan mata, penglihatan kabur sementara atau

gangguan penglihatan lain boleh menjejaskan keupayaan memandu atau menggunakan mesin. Sekiranya penglihatan kabur terjadi selepas penggunaan, pesakit mesti menunggu sehingga penglihatan pulih sebelum memandu atau menggunakan jentera.

Kesan-kesan Sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, *Olopan Eye Drops* boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang mengalaminya.

Berjumpalah dengan doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas mengambil ubat ini.

Kesan sampingan yang biasa termasuk sakit kepala, pengganggguan deria rasa, sakit mata, kerengsaan mata, mata kering, sensasi yang tidak normal dalam mata, kekeringan hidung, dan keletihan.

Kesan sampingan yang lain termasuk gatal, alahan, muka bengkak, pening, kekurangan sensasi sentuh, mengantuk, penyakit mata seperti perlepasan mata, mata kabur, sensitif kepada lampu, mata bengkak dan lain, loya, muntah, kulit kering, sensasi pembakaran kulit, ruam, kesukaran bernafas, keradangan sinus, kelemahan fizikal, dan perasaan tidak selesa.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835490, atau laman web npra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara Penyimpanan dan Pelupusan
Olopan Eye Drops

- *Penyimpanan*
  Jauhkan dari jangkauan dan penglihatan kanak-kanak.
  Simpan botol dalam kotak, dilindungi daripada cahaya.
  Simpan bawah 30˚C.
  Selepas pembukaan botol pertama kali, jangan simpan melebihi 25˚C dan guna dalam empat minggu.
- *Pelupusan*
  Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau buangan isi rumah. Tanya ahli farmasi anda bagaimana untuk melupuskan ubat-ubatan tidak lagi diperlukan. Langkah-langkah ini akan membantu untuk melindungi alam sekitar.

Maklumat Lanjut

- *Rupa dan warna produk*
  Olopan adalah cecair yang jelas dan tidak berwarna.

- *Bahan-bahan kandungan*
- Bahan aktif
  Olopatadine 1mg/ml

- Bahan kandungan bukan aktif
  Benzalkonium chloride
  Sodium chloride
  Disodium hydrogen phosphate dodecahydrate
  Hydrochloric acid
  Water for injection

- *MAL number(s):*
  MAL*********

Pengilang
Beximco Pharmaceuticals Ltd.
126, Kathaldia, Auchpara, Tongi 1711,
Gazipur, Bangladesh

Pemegang Pendaftaran Produk
Vitamode (M) Sdn. Bhd.,
55, Lorong Sempadan 2,
11400 Ayer Itam,
Penang, Malaysia

Tarikh Kemaskini
24.1.2019

Nombor Siri
NPRA(R2)19/5